



YAYASAN WARISAN PERAJURIT

SKIM BIASISWA YAYASAN WARISAN PERAJURIT

(PROGRAM PEMBELAJARAN 'ROLE MODEL' DAN 'TUTOR ONLINE')

(Anjuran Syarikat-Syarikat Kumpulan LTAT)

*** KEGAGALAN MEMATUHI SYARAT-SYARAT DI BAWAH MENGAKIBATKAN PERMOHONAN BIASISWA YWP TUAN/PUAN DITOLAK.**

KELAYAKAN DAN SYARAT PERMOHONAN

1. Menduduki peperiksaan UPSR pada tahun 2011.
 - a. Seorang Warganegara Malaysia.
 - b. Anak pertama anggota ATM dari kalangan anggota LLP yang masih berkhidmat sahaja.
 - c. Memperolehi keputusan minimum 3A 1B dan mendapat salah satu keputusan A bagi matapelajaran Bahasa Melayu (Pemahaman/Penulisan)
 - d. Matapelajaran yang diambil jika di Sekolah Rendah Kebangsaan.
 - i. Bahasa Melayu (Pemahaman)
 - ii. Bahasa Melayu (Penulisan)
 - iii. Bahasa Inggeris
 - iv. Matematik
 - v. Sains
 - vi. dan tambahan Bahasa Cina atau Tamil bagi pemohon pemohon dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina atau Tamil.
2. Butiran dalam borang dan dokumen yang difotostat tetapi tidak terang / jelas atau tidak lengkap sepertimana yang dikehendaki akan menyebabkan kegagalan dalam permohonan.
3. Butiran nama penerima dan nama bapa di dalam Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, Slip Keputusan Peperiksaan dan Buku Akaun hendaklah sama dari segi ejaan nama.
4. Sebarang perubahan kepada keputusan peperiksaan yang diluluskan oleh pihak Kementerian Pendidikan hendaklah disertakan bersama slip keputusan yang terdahulu.
5. Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah diserahkan Melalui Jabatan Arah Pendidikan ATM Kementah.

SENARAI SEMAKAN:

Sila lampirkan **1 salinan fotostat bersaiz kertas A4**, dokumen-dokumen berikut bersama-sama borang permohonan.

1. Kad Pengenalan/salinan sementara Kad Pengenalan Pelajar daripada JPN yang tertera nombor Kad Pengenalan.
2. Sijil Kelahiran Pelajar.
3. Buku Akaun BSN/AFFIN Bank pemohon sahaja (bukan akaun bersama ayah/ibu).
4. Keputusan peperiksaan UPSR (yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia sahaja dan bukan daripada pihak sekolah).
5. PERBAH II Pasukan bagi anak angkat/tiri.
6. Dokumen Pengesahan Maklumat Perkhidmatan Anggota Daripada JRP (Bagi menentukan pemohon merupakan anak pertama)
7. BAT C10 / My Tentera.

Sila kepilkan dokumen -dokumen tersebut mengikut turutan di atas bersama-sama kad beralamat sendiri ' Akuan Terima Borang Permohonan ' dan lekatkan setem 60 sen.

Semua dokumen hendaklah disahkan oleh Pasukan/pihak Sekolah

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada Pihak Jabatan Arah Pendidikan ATM tidak lewat daripada tarikh tutup permohonan iaitu **pada atau sebelum 30 Disember 2011.**

MAKLUMAT PENTING

- a. Bantuan diberi adalah bergantung kepada kedudukan kewangan dan jumlah dana yang diterima daripada anak-anak syarikat LTAT.
- b. **Laporan Tahunan Akademik Pelajar perlu dihantar pada atau sebelum 28 Februari setiap tahun** bagi bayaran berikutnya. Kelewatan/kegagalan menghantar Laporan Tahunan Akademik Pelajar akan menyebabkan pelajar gagal menerima bayaran seterusnya. Sila catat **Nombor Tentera ibu/bapa dan nama pelajar di Laporan Tahunan Akademik Pelajar.**
- c. **Setiap Laporan Tahunan Akademik pelajar perlu dihantar kepada Jabatan Arah Pendidikan, KEMENTAH (ATM).**
- d. Permohonan Biasiswa YWP yang dihantar melebihi daripada sekali bagi peperiksaan yang sama akan menyebabkan kegagalan dalam permohonan.
- e. Semua dokumen di atas tidak akan dikembalikan kepada pemohon.

Borang yang dihantar terus kepada LTAT akan ditolak dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.